

'Bola sepak kita perlu contohi Chelsea, Vietnam'

PM sifatkan ekosistem kedua-dua pasukan cukup lengkap

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Zulfaizan Mansor
bhsukan@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menganggap bola sepak Malaysia patut menjadikan pasukan Vietnam dan kelab Liga Perdana Inggeris (EPL), Chelsea sebagai contoh untuk meletakkan sukan itu ke tahap lebih baik.

Perdana Menteri berkata, pasukan Chelsea dan Vietnam memiliki ekosistem bola sepak yang cukup lengkap, terutama dari aspek pembangunan akar umbi hingga mereka mampu mencapai kejayaan.

"Akademi mereka (Chelsea) mengendalikan pasukan yang dianggotai pemain semuda sembilan tahun hingga 23 tahun, satu ekosistem yang menuntut pembabitan jurulatih, pengurusan kelab dan sokongan ibu bapa.

"Selain meningkatkan kemampuan teknikal, kelab itu juga membangunkan daya kebolehpasaran serta kualiti pemain yang menyuarung jersi biru itu. Ini yang patut dicontohi oleh kelab bola sepak di negara ini.

"Begitu juga dengan pasukan Vietnam. Pada 2006, pasukan itu menduduki ranking 172 dan kini mereka menjadi satu-satunya pasukan dari Asia Tenggara yang berjaya mara ke pusingan akhir kelayakan Piala Dunia 2022.

"Apa yang membezakan Malaysia dan Vietnam? Jawapannya



Ismail Sabri diiringi Presiden FAM, Datuk Hamidin Mohd Amin (kanan) merasmikan majlis pecah tanah Ibu Pejabat FAM di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

adalah pembangunan bola sepak pada peringkat awal. Kunci kepada peningkatan prestasi pasukan Vietnam ialah Akademi Hoang Anh Gia Lai yang menjalin kerjasama dengan pasukan Arsenal, sekolah bola sepak Perancis JMG Academy dan sokongan konglomerat Vietnam," katanya ketika berucap merasmikan majlis pecah tanah Ibu Pejabat Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) di Presint 5 di sini, semalam.

Projek ini yang dianggarkan RM33 juta dijangka siap dalam tempoh tiga tahun. Ia terletak di atas tanah 2.4 hektar yang akan dibahagikan kepada dua bahagian bagi memenuhi kaedah tukar tanah dengan pemaju. FAM mengambil 1.2 hektar, manakala selebihnya diserahkan kepada pemaju untuk membangunkan

projek kondominium atau apartmen servis.

Ismail Sabri berkata, Malaysia juga mampu melahirkan pemain yang bagus dan berbakat besar jika berjaya memperhebatkan program pembangunan seperti akademi yang bermula dari daerah dan seterusnya negeri.

"Jika kita memperhebatkan program pembangunan seperti akademi yang bermula daripada daerah dan seterusnya negeri, kita juga akan dapat melahirkan pemain yang bagus dan berbakat besar.

"Kalau kita ingat sekitar tahun 70an dan 80an, kita mempunyai liga di daerah. Ada kampung lawan kampung dan pemain kampung dipilih mewakili daerah serta negeri. Pemain terbaik ini dapat kita cungkil di peringkat

akar umbi jika kita merakyatkan kembali sukan ini," katanya

Pada majlis itu, Ismail Sabri turut mengumumkan sumbangan RM10 juta daripada kerajaan kepada FAM sebagai tanda sokongan kepada pembangunan bola sepak negara.

Katanya, kerajaan sentiasa melakukannya yang terbaik untuk membantu perkembangan mutu bola sepak negara.

"Peta Hala Tuju atau F:30 yang dilancarkan pada 2018 pula adalah simbol kesungguhan FAM dalam melaksanakan pelan menyeluruh ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bola sepak yang disegani.

"Sasaran utama F:30 ini adalah menjadikan pasukan negara sebagai antara lima pasukan terbaik di Asia menjelang 2030," katanya.